

**IKLAN JAWATAN GURU TABIKA PERPADUAN GRED S29 (KONTRAK)  
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL  
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

**1. BUTIRAN JAWATAN**

- 1.1. Jawatan : **Guru Tabika Perpaduan  
Gred S29**
- 1.2. Gred Jawatan : **S29**
- 1.3. Kumpulan Perkhidmatan : **Sokongan**
- 1.4. Taraf Jawatan : **Kontrak**
- 1.5. Agensi : **Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi  
Nasional Wilayah Persekutuan Putrajaya**
  
- 1.6. Bilangan Kekosongan : **Satu (1)**
- 1.7. Tempat Kekosongan : **Kelas Tabika Perpaduan  
Apartment Presint 15-12B  
Wilayah Persekutuan Putrajaya**

**2. JADUAL GAJI GRED S29** : RM1,493.00 – RM5,672.00

**3. ELAUN** : Imbuan Tetap Khidmat Awam (ITKA) - RM 160.00  
Imbuan Tetap Perumahan (ITP) - RM 300.00  
Bantuan Sara Hidup (BSH) - RM 350.00

**4. SYARAT LANTIKAN**

Calon hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :

- 4.1. Terdiri daripada Warganegara Malaysia;
- 4.2. Berumur tidak kurang daripada 20 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- 4.3. Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi - institusi pengajian tinggi tempatan;
- 4.4. Keutamaan permohonan adalah bagi yang menetap di kawasan W.P. Putrajaya; dan
- 4.5. Permohonan dari kawasan selain W.P Putrajaya boleh dipertimbangkan.

## 5. DESKRIPSI TUGAS

- 5.1. Bertanggungjawab menguruskan pendaftaran kanak-kanak ke tabika;
- 5.2. Melaksanakan tugas mengajar, mengurus rekod dan dokumentasi pengajaran dan pembelajaran kanak-kanak;
- 5.3. Merancang aktiviti pengajaran tahunan, menyiapkan laporan bulanan kelas, mengendalikan semua fail ISO yang digunakan di tabika; dan
- 5.4. Membuat penilaian berterusan tentang perkembangan kanak-kanak serta tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

## 6. CARA PERMOHONAN

- 6.1 Permohonan hendaklah dibuat melalui Borang Permohonan yang boleh diperolehi di Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional Wilayah Persekutuan Putrajaya atau boleh diperolehi dengan melayari laman web JPNIN di <http://www.jpnin.gov.my>.
- 6.2 Permohonan daripada Pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Peraturan 17 Bab 'A' Lantikan Dan Kenaikan Pangkat 2005.
- 6.3 Borang Permohonan berserta gambar terkini (berukuran passport) yang tidak dikembalikan dan salinan Kad Pengenalan, Sijil Kelahiran, Sijil Kelulusan Akademik, Sijil Berhenti Sekolah, Salinan Lesen Memandu sebagai dokumen tambahan serta dokumen sokongan yang berkaitan yang telah disahkan perlulah diseahkan ke alamat seperti berikut :

### **Pengarah**

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional  
Wilayah Persekutuan Putrajaya  
Aras 8, Blok E2, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62502 PUTRAJAYA**

## 7. TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 30 SEPTEMBER 2020

## 8. PANGGILAN TEMUDUGA

- 8.1 Permohonan yang berikut **AKAN DITOLAK** :
- a) Tidak disertakan dengan dokumen yang diperlukan;
  - b) Tidak lengkap atau tidak terang;
  - c) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan;
  - d) Tidak menandatangani borang permohonan; atau
  - e) Tidak mengesahkan salinan dokumen yang disertakan.
- 8.2 Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan dan memenuhi syarat-syarat seperti yang telah ditetapkan akan dipanggil untuk menghadiri temuduga. Calon-calon yang tidak dihubungi selepas tempoh enam (6) bulan daripada tarikh tutup permohonan hendaklah dianggap tidak berjaya.
- 8.3 Segala perbelanjaan menghadiri temuduga adalah tanggungan sendiri dan jabatan tidak akan melayan sebarang tuntutan.